

15 MAY 2002

Mahathir-Bush/I

MALAYSIA-US SETUJU PENDEKATAN SERAMPANG DUA MATA PERANGI KEGANASAN

Oleh: Jaafar Hussin dan E.Sivabalan

WASHINGTON, 15 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia dan Amerika Syarikat berkongsi pendapat bahawa tindakan ketenteraan dan mencari punca berlakunya keganasan mesti ditangani secara serentak bagi menangani fenomena global itu secara berkesan.

Dr Mahathir berkata kedua-dua negara yakin bahawa tindakan ketenteraan semata-mata tidak mampu mengatasi masalah keganasan.

"Tindakan ketenteraan dan mencari punca berlakunya keganasan mesti seiring," katanya pada sidang media selepas pertemuan beliau dengan Presiden George W. Bush di White House di sini Selasa.

Dr Mahathir juga akan mengadakan perbincangan dengan naib presiden Dick Cheney dan Penasihat Keselamatan Kebangsaan Condoleezza Rice pada hari kedua lawatan kerja tiga hari beliau ke Amerika Syarikat.

Dr Mahathir berkata semasa berunding dengan Bush, Presiden itu bersetuju dengan definisi beliau mengenai keganasan yang dukung oleh mesuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengenai keganasan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Perdana Menteri, antara lain, menyatakan bahawa meletupkan bom di tempat awam dan membunuh orang ramai yang tidak berdosa atau menjadikan orang sebagai perisai mesti dikutuk sebagai tindakan keganasan dan sesiapa sahaja yang melakukan tindakan seperti itu untuk apa sahaja tujuan, mesti dianggap sebagai penganas.

Merujuk kepada konflik Israeli-Palestin, Dr Mahathir berkata pendirian Amerika Syarikat yang memperakui negara Palestin merupakan langkah tepat dan betul dalam mencari penyelesaian kepada pertikaian itu.

Perdana Menteri berkata Bush bersetuju mengenai perlunya menangani punca kebangkitan rakyat Palestin supaya wujud keamanan di wilayah itu.

Ditanya sama ada isu hak asasi manusia di Malaysia dibincangkan, Dr Mahathir berkata pada dasarnya anggota pentadbiran Bush memahami lebih baik cara kerajaan Malaysia menangani masalah dalam negara.

Sebelum itu, pada sidang media bersama sebelum pertemuan itu, Dr Mahathir berkata beliau mahu mengadakan perbincangan susulan dengan Bush mengenai keganasan antarabangsa sejak kali pertama mereka bertemu pada mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Shanghai Oktober lepas.

Beliau berkata mesyuarat susulan itu penting bagi mengetahui strategi-staretki yang diusahakan oleh Amerika Syarikat bagi menangani keganasan.

Ditanya mengenai laporan yang mengaitkan sebilangan rakyat Malaysia dengan rangkaian al-Qaeda di Afghanistan, Dr Mahathir berkata kerajaan Malaysia kini mempunyai bukti bahawa beberapa rakyat negara itu yang cenderung untuk menggulingkan kerajaan, mempunyai hubungan dengan kumpulan penganas.

Ditanya mengenai apa yang Malaysia perolehi hasil perbincangan mengenai keganasan dengan Dr Mahathir, Bush berkata Amerika Syarikat lebih daripada bersedia untuk berkongsi risikan dan maklumat mengenai peperangan menentang keganasan dengan kerajaan Malaysia dan sebaliknya.

Bush berkata kedua-dua negara berkongsi musuh yang sama yang operasinya berselindung di sebalik beberapa institusi, sebelum bertindak.

"Mereka bukan musuh yang kita kenali sebelum ini. Dan bagi memastikan keselamatan masyarakat yang kita hormati dijamin sebaik mungkin, kita mesti berkongsi risikan," kata Bush.

-- BERNAMA

JH ES AZZ LAT